

PM sifatkan kenaikan tol sebagai kecil

7 DEC 2001

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan kenaikan 10 peratus kadar tol di lebuh raya dan menyifatkannya sebagai kenaikan kecil berbanding pelbagai faedah istimewa yang ditawarkan dalam Belanjawan 2002.

Perdana Menteri berkata, dalam masa yang sama, kerajaan masih bertimbang rasa kerana membenarkan kadar tol dinaikkan sebanyak 10 peratus sahaja sedangkan ia sepatutnya naik 30 peratus.

Menurutnya, walaupun kadar bayaran ditingkatkan sebanyak 1.12 sen sekilometer, kerajaan masih memberikan jumlah subsidi yang banyak kepada syarikat pengendali Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) supaya jumlah tol dapat dikurangkan.

"Kita berikan pengecualian kepada syarikat itu daripada membayar cukai dan sebagainya supaya perbelanjaan mereka dapat dikurangkan.

"Dengan itu tol tidak dinaikkan atau dinaikkan sedikit sahaja," katanya kepada pemberita selepas membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2002 di Dewan Negara hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengulas mengenai kenaikan 10 peratus kadar tol PLUS melibatkan semua jenis kenderaan berkuat kuasa 1 Januari depan.

Kenaikan itu mendapat bantahan daripada pelbagai pihak yang menyifatkannya membebankan rakyat serta akan menyebabkan peningkatan jumlah kemalangan apabila pengguna mula beralih kepada jalan lama.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak faham kenapa terlalu banyak bantahan yang dibuat terhadap kenaikan tol itu sedangkan kerajaan telah memberikan pelbagai insentif kepada rakyat sebelum ini.

Bantahan

"Dalam belanjawan yang saya bantahkan tadi bukan main banyak pemotongan cukai, kenaikan gaji, bonus dan macam-macam yang kita bagi - jauh lebih banyak daripada perbelanjaan untuk menggunakan jalan raya.

"Saya tidak faham kenapa ada begitu banyak (bantahan), sampai lupa langsung apa yang dapat, cuma nampak apa yang kena bayar sahaja," tegasnya.

Menurut beliau, Malaysia sebenarnya mempunyai banyak lebuh raya yang tidak mengenakan bayaran sepenuhnya seperti Lebuh Raya Lingkaran Tengah Kedua (MRR2) dan Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP).

"Kalau kita guna separuh sahaja dari MRR2 kita tidak perlu bayar satu sen pun dan demikian juga LDP, kalau kita guna sepenuhnya barulah kita kena bayar," kata Perdana Menteri.

Selain itu, tambah Dr. Mahathir, Malaysia juga merupakan negara yang mengenakan bayaran tol terendah di kalangan negara-negara yang ada mengenakan bayaran tol.

"Kita nak benda baik untuk kita, tentulah kena bayar sedikit," jelasnya.

Mengenai penahanan empat orang termasuk tiga Datuk dalam kes penyelewengan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Dr. Mahathir enggan mengulas panjang kerana ia masih dalam siasatan pihak berkuasa.

"Mungkin orang ini salah, mungkin orang ini tidak salah (tetapi) kita biarkanlah pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan dan kalau betul-betul ada kes, bawa mereka ke mahkamah," ujar Perdana Menteri.

Semalam, polis mengesahkan penahanan empat orang iaitu bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Abdul Aziz Mohamad; Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, Datuk Alwi Said; bekas Ketua Pengarah RISDA, Datuk Nik Kamaruddin Nik Abdul Kadir dan Timbalan Ketua Setiausaha KPLB, Mohd. Arif Abu Bakar berhubung kes penyelewengan PPRT di Terengganu dan Kelantan.